

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH**

18 DISEMBER 2023

**1. MBSP ORGANISASI PERTAMA DI MALAYSIA MENDAPAT
PENSIJILAN ISO 37301:2021 COMPLIANCE MANAGEMENT
SYSTEM (CMS)**

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada seluruh warga Majlis Bandaraya Seberang Perai kerana telah mendapat pengiktirafan khas oleh SIRIM Berhad atas pencapaian menjadi organisasi pertama di Malaysia menerima ISO 37301:2021 Compliance Management System (CMS). Sijil Khas ini telah disampaikan oleh YBM Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia (MITI) dalam Majlis SIRIM Industri 2023 yang berlangsung di Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur pada 13 Disember 2023.

MBSP juga turut diberi pengiktirafan oleh pihak SIRIM melalui pensijilan ISO 55001: 2014 Asset Management System (AMS) yang diterima pada Disember tahun lepas.

Tahniah diucapkan kepada warga MBSP yang bertungkus lumus bagi memastikan perkhidmatan MBSP dan gerak kerja sentiasa dilaksanakan mengikut standard piawaian , peraturan serta perundangan dan kualiti yang telah ditetapkan. MBSP kini telah mempunyai 8 pensijilan ISO daripada SIRIM dan 1 pensijilan 5S daripada MPC.

Diharapkan dengan pengiktirafan terbaharu ini, MBSP akan sentiasa menambah baik perkhidmatan kepada rakyat Seberang Perai untuk menjadi bandaraya yang maju seiring dengan sasaran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam Visi Penang 2030 “A Family - Focused Green and Smart State That Inspires the Nation”.

2. PEMAKLUMAN STATUS PENARAFAN SEMULA RISIKO TAHUN 2023 OLEH SPRM-MBSP

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menerima pemakluman rasmi penarafan semula risiko rasuah tahun 2023 oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 5 Disember 2023.

Sepertimana dinyatakan di dalam perenggan 6 Pekeliling Perkhidmatan Awam Sumber Manusia Versi 1.0 (2022) Ceraian SP.1.2.1 menetapkan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan penarafan risiko ke atas agensi awam pada setiap tiga (3) tahun sekali. Penarafan terdahulu telah dibuat pada tahun 2020 di mana MBSP telah ditarafkan sebagai TINGGI.

Sukacita dimaklumkan berdasarkan data-data yang diperolehi daripada pihak SPRM bagi tempoh 2020 sehingga 2022 dan juga maklumat yang dibekalkan oleh pihak MBSP sendiri, hasil penarafan semula risiko tahun 2023 telah mendapati MBSP dikategorikan sebagai risiko RENDAH.

MBSP menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada SPRM yang memberikan kerjasama dan sentiasa menyokong usaha MBSP dalam menambahbaik tatakelola kearah usaha pencegahan rasuah di MBSP.

MBSP akan terus memberikan komitmen dan meneruskan usaha dalam mengurangkan risiko rasuah di MBSP pada masa akan datang.

3. GARIS PANDUAN CAJ PENINGKATAN INFRASTRUKTUR DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 5/2023 pada 25 September 2023 dan disahkan pada 31 Oktober 2023 memutuskan untuk meluluskan Garis Panduan Caj Peningkatan Infrastruktur Di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai seperti berikut :

- a) Kadar caj peningkatan infrastruktur bagi peningkatan nisbah plot di kawasan perniagaan adalah ditingkatkan daripada RM 5.25 / kaki persegi kepada RM 8.00 / kaki persegi.
- b) Kadar peningkatan infrastruktur bagi peningkatan densiti di kawasan kediaman adalah ditingkatkan daripada RM 3.75 / kaki persegi kepada RM 6.00 / kaki persegi.
- c) Menggunakan Garis Panduan Caj Peningkatan Infrastruktur Di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai dan kadar baru caj peningkatan infrastruktur ini **berkuatkuasa** pada 01 Januari 2024.
- d) Garis Panduan Caj Peningkatan Infrastruktur di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai ini akan terpakai bagi Permohonan Kebenaran Merancang dan pelan pindaan yang **diterima** berkuatkuasa pada 01 Januari 2024.

e) Garis Panduan Caj Pemajuan Yang Akan dikenakan Bagi Penambahan Nisbah Plot Dan Densiti Bagi Permohonan Pembangunan Di Seberang Perai yang diluluskan Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 8/2013 pada 2 Ogos 2013 dan disahkan pada 29 Ogos 2013 adalah **terbatal** selepas Garis Panduan Caj Peningkatan Infrastruktur Di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai ini diluluskan dan disahkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri.

4. SAMBUTAN HARI NATAL

Saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Kristian. Hari Natal disambut pada 25 Disember 2023 (Isnin) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

SEKIAN, TERIMA KASIH.